

▼29/12/17-06MST

R GB 29'12 00181 BA631

bah

Mahathir - Kekebalan

UMNO ADAKAN PERTEMUAN TIDAK RASMI DENGAN RAJA-RAJA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama)-- Umno akan mengadakan perjumpaan tidak rasmi dengan raja-raja berhubung cadangan pindaan perlembagaan yang membabitkan kekebalan raja-raja di segi undang-undang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya pertemuan antara Presiden, Timbalan Presiden dan Naib-naib Presiden Umno dengan Raja-raja itu mungkin diadakan pada 9 Jan. Bagaimanapun tempatnya belum ditentukan.

Walaupun tarikh sebenar belum ditetapkan tetapi pertemuan itu akan diadakan sebelum draf cadangan pindaan perlembagaan berhubung perkara itu dikemukakan kepada persidangan Majlis Raja-raja 16 Jan ini, katanya kepada pemberita selepas melawat Kementerian Penerangan di Angkasapuri di sini.

+Kita berpendapat bahawa kita boleh menerangkan maksud kerajaan supaya tidak ada was-was di kalangan Raja-raja akan hasrat kerajaan.

Kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan sistem raja, hanya untuk menghapuskan kekebalan raja-raja daripada segi undang-undang dan juga hak-hak raja-raja, yang ada kaitan dengan kekebalan, katanya.

Dr Mahathir berkata, Peguam Negara telah menyiapkan draf pindaan perlembagaan itu tetapi kerajaan belum mengkajinya. --Lagi

▼29/12/16-05MST

U GB 29-12 00181 BA635

bah

Maha'thir - Kekebalan 2 Kuala Lumpur

+Dalam perbincangan antara Menteri-menteri Besar termasuk Menteri Besar Kelantan dengan saya pada minggu lepas, Peguam Negara ada bersama. Kita telah menentukan butir-butir berkenaan dengan pindaan itu dan berasaskan kepada perbincangan (ini) Peguam Negara telah membuat satu draf, katanya.

Perdana Menteri berkata draf itu akan dikemuka dan dibincangkan oleh kabinet sebelum in dibincangkan pula dengan Raja-raja secara tidak rasmi.

Dr Mahathir berkata pada keseluruhannya setakat ini raja-raja tidak menolak secara langsung cadangan kerajaan untuk meminda perlembagaan berhubung perkara kekebalan itu, cuma mereka ingin mengetahui dengan lebih terperinci mengenai perkara yang akan dipinda.

Beliau enggan memberitahu sama ada kekebalan Raja-Raja yang akan dihapuskan itu turut membabitkan kekebalan daripada segi sivil.

Katanya perkara yang akan dipinda dalam perlembagaan ialah berhubung dengan kekebalan Raja-raja di segi undang-undang serta peruntukan lain yang berkaitan, yang sekiranya tidak dipinda akan menjejaskan pindaan itu.

Ini termasuk peruntukan dalam perlembagaan yang berkaitan dengan Akta Hasutan, tetapi kerajaan pada masa ini belum memutuskan untuk meminda Akta Hasutan itu, katanya. -- Lagi

▼29/12/16-34MST

bah

Mahathir - Xekebalan 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir yang juga Presi'den UMNO, berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu yang di jadualkan pada 9 Jan akan turut membincangkan draf pindaan perlembagaan itu.

Beliau juga berkata pertemuannya dengan para pemimpin UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini esok bertujuan menjelaskan kepada mereka apa yang akan dibuat oleh kerajaan berhubung soal kekebalan Raja-raja itu.

+Ini kerana ada juga yang cuba kelirukan anggota-anggota UMNO (mengenai kekebalan). Oleh itu perkara ini perlu diterangkan kepada pemimpin-pemimpin UMNO tentang apa sebenarnya yang kita nak buat,+ kata beliau.

Berhubung dengan penyebaran risalah yang tidak ditandatangani yang meminta orang ramai menghadiri satu perhimpunan di perkarangan Istana Besar Johor Baharu pada 8 Jan, Perdana Menteri berkata, +Itu bukan kita (kerajaan), kita tidak suruh berhimpun di situ.+.

Apabila ditanya adakah perhimpunan itu adakah kaitan dengan pihak istana, beliau berkata: +Sama ada perkara itu diluluskan oleh istana atau tidak, kita tidak tahu.

+Mungkin ada orang lain yang ambil kesempatan untuk kepentingan politik,+ katanya. -- Lagi

♥29/12/16-54MST

U GB 29-12 00181 BA641

bah

Mahathir - Kekebalan 4 Kuala Lumpur

Ketika ditanya pandangannya mengenai perhimpunan itu, Dr Mahathir menasihatkan orang ramai supaya jangan mula melanggar undang-undang.

Jika dibenarkan satu pihak melanggar undang-undang dan tindakan tidak diambil, maka pihak lain pula akan bertanya kenapa mereka tidak boleh melanggar undang-undang, katanya.,

Ditanya sama ada Umno bercadang menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai cadangan pindaan perlembagaan itu, beliau berkata, kalau perlu, Umno boleh berbuat demikian.

+Rakyat berhak mendengar apa sebenarnya yang berlaku. Kalau dia (Semangat 46) hendak buat +road show+, dia bolehlah buat. Kita tengoklah +show+ siapa yang besar lagi,+ katanya ketika menjawab soalan sama ada UMNO juga bercadang mengadakan +road show* seperti yang dirancang oleh Semangat 46, yang menentang cadangan pindaan itu.

Menyentuh mengenai lawatannya selama lebih enam jam di Angkasapuri, beliau berkata lawatan itu bertujuan melihat perkembangan Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran dalam bidang komunikasi.

Beliau berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh Kementerian Penerangan yang berperanan sebagai alat untuk menyalurkan maklumat mengenai usaha yang di jalankan kerajaan. -- Lagi

♥29/12/17-18MST

bah

Mahathir - Kekebalan 5 (akhir) Kuala Lumpur

Reliau yang ditemani oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meluangkan masa melawat Angkasapuri bersama-sama pegawai-pegawai kanan dan kakitangan kementerian termasuk dari BERNAMA, FINAS dan Filem Negara.

Perdana Menteri juga merasmikan Muzium Elektronika di perkarangan tempat letak kereta Angkasapuri sebelum membuat rakaman ucapan Tahun Baru 1993 di Wisma TV manakala Dr Siti Hasmah merasmikan Rumah Wartawan dan Rumah Puspani ta .

Selepas itu, Dr Mahathir merasmikan Pusat Operasi Siaran dan melancarkan perkhidmatan FM Stereo ke seluruh negara di Auditorium Besar.

Mereka berdua juga menunjukkan bakat memasak untuk sarapan pagi bagi rakaman slot pertama +The Great Malaysian Breakfast+ dalam rancangan +Selamat Pagi Malaysia+.

Kemudian Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menyaksikan Konsert Perdana +Untukmu Malaysia+ yang di jayakan oleh penyanyi Datuk S.M Salim, Yusni Hamid, Roy, Johari Teh, Ramziela , Shereen, Tushce dan Carol Ormilla.

Pada akhir acara, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat menghadiahkan beliau sebuah +Topi Rempin+ pelancaran FM Stereo itu.

-- B e r n a m a